## DW 5.5: Cadangan Pusat Penyelidikan Agrodesa

### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

**Justifikasi Cadangan:**

- Selaras bagi memastikan kualiti produk pertanian sentiasa berada pada tahap terbaik, keperluan cadangan pusat penyelidikan agrodesa adalah wajar diwujudkan.
- Fungsi utama pusat penyelidikan ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan penyelidikan secara saintifik dan teknikal pada nilai yang berpatutan.
- Cadangan pusat penyelidikan agro desa ini juga berperanan menyokong aktiviti penyelidikan pertanian desa yang khusus serta memberi peluang kepada masyarakat desa untuk turut serta dalam penyelidikan pertanian dan penggunaan teknologi baharu dalam pertanian.

**Komponen Cadangan:**

- Menyediakan pelbagai jenis latihan untuk memajukan industri asas tani Negeri Johor.
- Menjalankan penyelidikan saintifik berkaitan dengan pertanian.
- Menyediakan khidmat nasihat secara saintifik dan teknikal kepada usahawan tani dan juga pengguna awam.

**Kaedah Pelaksanaan:**

- Pelaksanaan projek secara kerjasama awam dan swasta (Jabatan Pertanian dan pemaju swasta).

### CADANGAN LOKASI

Cadangan Pusat Penyelidikan Agrodesa adalah di dalam Taman Pertanian Johor, Kong-Kong, Daerah Johor Bahru. Anggaran cadangan tapak seluas 10 ekar.
*(Sila rujuk Rajah 4.56)*

### AGENSI PELAKSANA

| Pemula | Pelaksana |
|---|---|
| • Jabatan Pertanian<br>• Pemaju swasta | • BPEN Johor<br>• Jabatan Pertanian<br>• Jabatan Perikanan<br>• Jabatan Veterinar<br>• FAMA |

### ANGGARAN KOS

- Kos Pembinaan Bangunan = RM 50 per kaki persegi (10 ekar = 435,596.6 kp)

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 21,779,830**

### FASA PELAKSANAAN





Foto: Contoh gambaran Cadangan Pusat Penyelidikan Agro Desa yang berpusat di Taman Pertanian Johor, Kong-Kong yang berfungsi menyediakan perkhidmatan penyelidikan secara sainstifik dan teknikal untuk aktiviti pertanian.

*Sumber: www.urbangreenfarms.com.au/vertical-farming*

Rajah 4.47: Cadangan Pusat Penyelidikan Agrodesa




*Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019*

PETUNJUK:

- Kawasan Pertanian
- Taburan Kampung
- Cadangan Pusat Penyelidikan Agrodesa (Di dalam Taman Pertanian Johor, Kong-Kong)

LAIN-LAIN:

- Sempadan Fasa 1
- Sempadan Daerah
- Lebuh Raya
- Jalan Utama
- Laluan Kereta Api